

BAB 4

PENGEMBARAAN ZHANG XIGUO

4.1 PERASAAN RINDU AKAN TAIWAN

“Tanah air” merupakan unsur penting dalam pembentukan insan dan penentuan sensibiliti seseorang sejak kelahirannya sehingga seseorang kembali ke rahmatullah. Dalam dunia sastera, kepentingan tanah air tidak pernah diragui disebabkan khazanah ini lazimnya diwujud sebagai latar ruang yang amat mustahak bagi menjalinkan hubungan erat antara penulis dengan karya-karyanya. Sebagai tamsilan, *Kitab Syair (Shi Jing)* yang merupakan koleksi syair lapisan masyarakat bawahan banyak menyanjungi keharmonian tanah ekoran kurniaan rahmat Yang Maha Kuasa. Tidak ketinggalan juga sajak-sajak Qu Yuan, misalnya “Nyanyian Perpisahan” (Li Sao) dan “Merentangi Sungai” (She Jiang) yang ghairah mempersesembahkan keindahan tanah airnya. Lantaran itu, tanah air

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

berperanan sebagai imej penulisan yang amat penting dalam sesebuah karya sastera. Dalam Sastera China Modern, para penulis tidak jemu mewujudkan wajah tanah air mereka di depan mata pembaca. Misalnya, Lu Xun (1881-1936) berjaya menghidupkan watak-watak yang hidup melarat di kampung halamannya di Zhe Dong, tanah besar China dalam karya-karyanya seperti “Kekampungan” (Guxiang), “Kisah Benar tentang Ah Q” (A Q Zhengzuan) dan “Doa” (Zhufu). Manakala “Kampung Xiangxi” (Xiangxi) dan “Kampung Biancheng” (Biancheng) ialah karya-karya fiksyen Shen Congwen (1904-1988) yang memetik kehidupan penduduk di kampung kediamannya. Pelukisan watak-watak di kampung halaman penulis pada dasarnya ialah pengalaman mereka di tanah air sendiri.

Dalam perbincangan seterusnya, penilaian semula terhadap kedudukan “tanah air” Zhang Xiguo berasaskan karya-karyanya merupakan tugas yang wajar.¹ Menjelang pertengahan tahun 1970an, kelihatan penulis-penulis di Taiwan ghairah mengejar aliran Sastera Tanah Air yang banyak menggambarkan keistimewaan kampung halaman selaras keperluan masyarakatnya.² Ramai penulis yang dilahirkan di Taiwan seperti Huang Chunming, Wang Zhenhe, Yang Kui, Zhong Lihe, Wang Tuo dan Song Zelai menjadikan Taiwan sebagai asas

¹ Kebangkitan Sastera Tanah Air pada tahun 1970an tidak banyak memberi kesan kepada karya-karya Zhang Xiguo. Penulisan beliau yang menyerlahkan keprihatinannya terhadap masyarakat Taiwan terdapat perbezaan yang ketara dengan Sastera Tanah Air. Sastera Tanah Air wujud akibat percanggahan antara “tanah” dengan “kuasa luar” dalam konteks ini. Zhang Xiguo pada asasnya bukan seorang penulis dalam bidang Sastera Tanah Air walaupun kebanyakan tema-tema persoalan dalam karya-karya fiksyen beliau adalah dituju kepada tanah airnya. Justeru, “tanah air” yang dipetik dalam perbincangan di sini adalah lebih luas pengertiannya.

² Sastera Tanah Air yang diperkembangkan di Taiwan adalah berbeza di tanah besar China memandangkan keperluan masyarakat dan latar sejarah yang berbeza. Kebangkitan Sastera Tanah Air di Taiwan pada tahun 1920an bertujuan menentang penjajahan Jepun dengan kekuatan sendiri manakala kandungan “tanah air” dalam sastera ini diperluas ke arah “bandar” pada tahun 1970an yang merupakan tahap kegemilangan Sastera Tanah Air. Sebagaimana yang ditekankan oleh Wang Tuo, seorang penulis yang amat aktif dalam penulisan Sastera Tanah Air di Taiwan pernah berkata, “Penekanan kepada ‘Sastera Tanah Air’ seharusnya berkait rapat dengan realiti Taiwan untuk membayangkan wajah sebenar masyarakat ini dan seterusnya mendasari minda dan hasrat rakyatnya.” (1978: 116)

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

pembentukan ideologi individu dalam penulisan mereka. Taiwan bukan sahaja sebagai suatu ukuran penting dalam penilaian karya sastera pada masa itu, bahkan dijadikan sebagai slogan politik di samping dijadikan media budaya untuk menilai kedudukan masyarakat tersebut. Ketika itu, kelihatan dua kelompok penulis utama yang masing-masing berikhtiar untuk mencapai matlamat sendiri dalam dua aliran penulisan yang berlainan, yakni bidang Sastera Tanah Air dan Sastera Penuntut Seberang Laut.³ Dalam hal ini, Zhang Xiguo tidak terikut-ikut perkembangan Sastera Tanah Air. Sebaliknya sebagai seorang intelektual generasi muda, beliau lebih bersikap terbuka dalam mempersesembahkan wajah Taiwan yang membeskarnya.

Jika mengimbas kembali latar belakang Zhang Xiguo, didapati masa remaja ketika beliau menduduki Taipei banyak mempengaruhi pembentukan personalitinya. Pengalaman di Taiwan selama dua puluh dua tahun sebelum beliau melanjutkan pelajaran ke Amerika Syarikat menyediakan tapak penulisan yang kukuh baginya. Yang sering diperkatakan orang Taiwan bahawa “membesar dengan makan beras dan minum air di Taiwan”, demikianlah pengalaman Zhang Xiguo di tanah airnya. Sejak karya fiksyen pertama berjudul *Kisah Benar tentang Paderi Pi*, Zhang Xiguo tidak lupa memberi penekannya kepada perkembangan naluri generasi muda Taiwan dan pembangunan masyarakat Taipei pada akhir tahun 1970an. Waktu pembelajaran Zhang Xiguo di Amerika Syarikat kemudian juga menyediakan saluran penting untuk beliau menjelaki langkah Yu Lihua, pengasas Sastera Penuntut Seberang Laut. Beliau mengambil kesempatan ini

³ Kebanyakan penulis yang meninggalkan Taiwan dan mengusahakan Sastera Penuntut Seberang Laut kemudian adalah penghijrah-penghijrah dari tanah besar China pada tahun 1949.

untuk menggambarkan pengalaman dan perasaan sebagai seorang penuntut yang terpisah daripada tanah air. Kebijaksanaan beliau menguasai sumber-sumber penulisan yang terhad (tanah air) dalam mengukuhkan nilai khazanah sastera Taiwan turut menyerlahkan pencapaian beliau dalam membentuk sebuah “kampung halaman berjiwa” bagi dirinya. Semangat berkobar-kobar Zhang Xiguo dalam mendasari perkembangan tanah air menyerlahkan keprihatinan beliau terhadap Taiwan seterusnya berjaya mengharumkan namanya dalam bidang kesusteraan Taiwan di seberang laut hingga hari ini.

Jika berbanding dengan kelompok penulis di Taiwan yang berusaha dalam bidang Sastera Tanah Air dan golongan penulis di universiti-universiti Taiwan yang mengarang di bawah pengaruh aliran Modernisme, corak bahasa dan gaya naratif Zhang Xiguo yang tidak banyak mengejar bunga-bunga bahasa sering memberi tanggapan yang agak kasar dan bosan. “Kedinginan” gaya naratif Zhang Xiguo yang tidak banyak memaparkan perasaannya secara terus-terang mengelakkan beliau menenggelami diri dalam Sastera Penuntut Seberang Laut.⁴ Walau bagaimanapun, enam buah karya fiksyen yang tersimpan dalam koleksi karya fiksyen *Tanah* (1970) pada tahap penulisan awal Zhang Xiguo terbayang perasaan nostalgia yang menebal ketika beliau belajar keseorangan di Amerika Syarikat. Demikiannya Zhang Xiguo berterus-terang mengatakan perasaan keterasingan dan kesuniannya pada masa itu:

⁴ Karya-karya Nie Hualing dan Yu Lihua yang banyak menulis kehidupan penuntut-penuntut Taiwan di seberang laut didapati mempunyai gaya bahasanya yang lebih beremosi dan terperinci jika berbanding dengan Zhang Xiguo. Kehalusan bahasa mereka dalam mengisahkan perpisahan dengan kampung halaman dan kehidupan luar negara yang asing sering memberi tanggapan bahawa Sastera Penuntut Seberang Laut mempunyai tema persoalan yang bosan lagi sempit.

Waktu itu baru saja aku meninggalkan kampung halaman. Nostalgia yang menebal terserlah dalam karya-karya fiksyenku yang berjudul “Tanah” dan “Banjaran Yaburuonuwei” (1979i: 250).

Perasaan keterasingan ini kelihatan sebagai suatu dorongan kepada kebanyakan penuntut Taiwan pada masa itu untuk menempatkan nostalgia yang wujud dalam pengembaraan mereka. Nostalgia yang memenuhi karya-karya Zhang Xiguo pada tahap ini tidak banyak bezanya daripada penulis-penulis lain seperti Yu Lihua dan Chen Ruoxi. Keterbuangan minda yang lebih rumit hanya terbentuk dalam koleksi-koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* dan *Penggagah* kemudian.

Karya fiksyen “Tanah” yang menerapkan pengalaman Zhang Xiguo sendiri dan generasi tuanya telah memberi satu petunjuk kepada beliau dalam meninjau suatu tempat perlindungan bagi penghijrah-penghijrah. Dalam karya ini, usaha Li Zhenzhi, seorang veteran bersara yang berhijrah ke Taiwan bermati-matian untuk mempertahankan sebidang tanah pertaniannya. Tindakan ini jelas menunjukkan perasaan serba salah generasi tua yang kehilangan kampung halaman dalam penghijrahan lalu. Li Zhenzhi sanggup menggadaikan kedai runcitnya dan mencurahkan segala bakat usaha di atas tanah sawah ini. Menurutnya, “Walaupun bersawah itu kerja susah, tapi kami seolah-olah berakar di atas tanah sendiri. Segala-gala hal itu dah ada harapannya.” (1979a: 7) Malangnya, tanah berbatu-batan ini langsung tidak sesuai untuk aktiviti pertanian dan akhirnya segala usaha Li Zhenzhi tersia-sia sahaja. Di sini, Zhang Xiguo cuba membangkitkan peristiwa sejarah yang menyebabkan perpisahan penghijrah-penghijrah dengan tanah air mereka selama-lamanya. Keadaan politik yang huru-hara pada tahun 1949 memaksa Guomindang menjadikan Taiwan sebagai pangkalan pemulihan kuasa

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xigu

politiknya. Akan tetapi, “penentangan terhadap tanah besar China” yang tinggal sebagai janji kosong benar-benar memberi tamparan hebat kepada dua juta orang penghijrah dari tanah besar China. Tidak hairanlah penghijrah-penghijrah generasi tua terpaksa berusaha mengirimkan segala harapan mereka di atas Taiwan yang akan dijadikan tanah bersemadi mereka. Hal ini adalah disebabkan penghijrah-penghijrah mempercayai bahawa hidup pengembalaan selama ini hanya dapat diakhiri dengan berkedudukan di atas sebuah tanah yang benar-benar dimiliki mereka.

Sesungguhnya, hasrat kembali ke tanah besar China bagaikan suatu impian yang sukar direalisasikan walaupun jarak antara tanah besar China dengan Taiwan tidak jauh padahalnya. Keterasingan yang seakan-akan dibuang negeri sebenarnya sukar difahami oleh pembaca hari ini. Sebagaimana yang dikatakan oleh Leng Yifen, seorang pengkritik sastera di Taiwan:

Perasaan derita dalam pengembalaan mereka seperti sebuah lagu pertama yang penuh kesedihan dalam mengisahkan perasaan kehilangan akar budaya dalam sejarah China pada zaman kontemporari. Kepiluan ini adalah ekoran daripada perpecahan politik terutamanya sejak Revolusi Guomindang sehingga berakhirnya penjajahan Jepun (1980: 61).

Penghijrah-penghijrah dari tanah besar China kini terpaksa mendirikan semula semangat nasionalisme mereka di atas sebuah tanah baru yang dikenali sebagai tanah air. Lantaran itu, mereka terpaksa bertungkus lumus untuk mencari suatu titik keseimbangan yang dikatakan dapat menebus segala kesunyian dan kekecewaan mereka pada masa itu.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

Di samping itu, karya fiksyen “Tanah” juga menyalurkan perasaan tertekan generasi muda melalui anak Li Zhenzhi yang bernama Li Ming. Li Ming berasa serba salah dan terseksa ketika melihat titik peluh ayahnya tergadai akhirnya. Dia tidak tertahan lagi dengan mimpi ngeri yang menghantui generasi tuanya. Bebanan yang ditanggung generasi baru menghalang mereka daripada menyesuaikan diri dalam alam persekitaran baru, lebih-lebih lagi mereka berasa keberatan untuk menempatkan perasaan patriotik mereka. Maka, generasi baru ini terpaksa mencari suatu jalan keluar untuk dirinya. Mereka mengambil keputusan untuk meninggalkan Taiwan. Xiao Yu meninggalkan Taiwan dengan alasan melanjutkan pelajaran di luar negara. Li Ming yang tidak ingin menanggung beban generasi tua sanggup meninggalkan Zhou Mei, teman wanitanya dan belayar jauh dalam segala kesepian. Katanya dengan suara sinis, “Orang seperti kami ni, hanya layak mengembara tanpa arah saja, tidak layak mendampingi diri kepada tanah...” (1979a: 55) Justeru, bebanan generasi tua ini nyatanya telah diperturun kepada anak-anak mereka yang merupakan segolongan penghijrah generasi muda di Taiwan.

Walau bagaimanapun, sebagai seorang intelektual dan penghijrah generasi muda di Taiwan, Zhang Xiguo lebih rasional dan berpandangan jauh dalam menguruskan hal ini. Beliau berusaha memaparkan watak-watak generasi baru yang lebih berkeyakinan dan sihat dalam karya fiksyen “Tanah” misalnya, Li Ming, Xiao Yu dan Gong Jizhong. Berbanding dengan generasi tua seperti Li Zhenzhi, kepastian dan pengakuan generasi muda yang berdasarkan perasaan cinta akan Taiwan adalah lebih mendalam dan tulen. Meskipun rasa keterbuangan sering menyelubungi sanubari Li Ming dalam hidup pengembarnya, tetapi

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

perasaan patriotik yang tersemai di atas Taiwan jelas kelihatan. Ringkasnya, pelayaran Li Ming memberi peluang kepada dirinya untuk mengenali semula tanah yang membesarkannya. Katanya dengan penuh kasih sayang ketika teringat kampung halamannya dalam pelayaran:

Pekan itu biasa sahaja dan tiada apa-apa yang dikatakan indah. Orang yang aku kenali pun biasa kujumpai di mana-mana. Namun, aku masih berharap pulang ke situ. Walaupun bandar dan teluk di tempat lain begitu indah rupanya, namun segala ini bukan milikku. Ku tidak dapat menetap di sini. Hanya kampung halamanku yang biasa wajahnya itu, satu-satunya tempat tinggal milikku (1979a: 15).

Nescaya, suara Li Ming pada dasarnya membayangkan rasa rindu Zhang Xiguo dalam perpisahan dengan kampung halaman benar-benar menyentuh hatinya kali ini jika berbanding dengan gaya naratif beliau yang tidak keterlaluan dalam kebanyakan karyanya. Sesungguhnya, “keluarga” Zhang Xiguo adalah bertapak di Taiwan sejak awal-awal lagi. Semangat nasionalisme yang dibangkitkan pada tahap ini adalah berasaskan beliau sebagai seorang warganegara Taiwan. Hal ini seterusnya menjanjikan beliau bahawa Taiwan adalah satu-satunya tempat yang dapat melapangkan hayatnya.

Penghijrahan Zhang Xiguo bersama keluarganya ke Taiwan dalam usia muda merupakan salah satu faktor bagi beliau menanam semangat nasionalisme di Taiwan sejak kecil lagi. Kenangan pada zaman kanak-kanak yang agak kabur menjadikan beliau sebagai minoriti yang menganggap Taiwan sebagai tanah airnya antara penulis-penulis yang lain (Jian, 1995: 22). Dalam karya fiksyen “Tanah”, kesungguhan Li Zhenzhi untuk meneroka bidang penternakan di atas tanahnya amat dipersetujui Xiao Yu, rakan Li Ming. Katanya, “Kami dah berakar

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

umbi atas tanah ini. Jika tinggalkan tanah ni, lenyaplah bangsa kami. Perasaan derita dan kesesatan orang hari ini adalah disebabkan dirinya dah melayang jauh dari tanah air.” (1979a: 41) Pada halnya, Zhang Xiguo amat memahami perlakuan generasi tua yang ingin mendampingi diri kepada tanah mereka. Maka wujudnya kata-kata Xiao Yu dalam karya fiksyen “Tanah”, “Jikalau nak kekalkan akar budaya dan takkan sesat dalam hidup, kita seharusnya senantiasa mendekati tanah air sendiri...” (1979a: 55)

Berbeza daripada penulis-penulis lain di Amerika Syarikat pada masa itu, Zhang Xiguo amat mengambil berat tentang persoalan “pemergian” generasinya.⁵ Dalam hal ini, penghijrah-penghijrah generasi muda terus meninggalkan Taiwan walaupun semangat nasionalisme mereka banyak dicurahkan kepada tanah ini sejak awal-awal lagi. Tambahan pula, kedapatan generasi muda ini tidak rela kembali ke tanah air sejak pemergian mereka. Barangkali, trauma yang diwaris generasi tua dalam penghijrahan tidak mudah dilunturkan dalam masa singkat. Mereka masih dibelenggu dalam pengejaran nostalgia generasi tua sebelum ini. Dalam karya fiksyen “Tanah”, keberatan Li Ming meninggalkan tanah air sendiri membawa pertanyaan yang amat menyindirkan sekali, “Kenapa sanggup meninggalkan tanah air memandangkan kamu benar-benar sayang akannya?” (1979a: 41) Kesangsian ini jelas membayangkan perasaan dilema Zhang Xiguo

⁵ Persoalan “pemergian” atau tindakan keluar dari Taiwan yang dibincangkan dalam disertasi ini pada hakikatnya adalah berasaskan pertanyaan Li Ming dalam karya fiksyen “Tanah”, “Kenapa sanggup meninggalkan tanah air memandangkan kamu benar-benar sayang akannya?” (1979a: 41) Dalam konteks ini, persoalan “pemergian” menjadi tinjauan utama dalam penulisan Zhang Xiguo pada tahap ini. Istilah “pemergian” yang kerap kali muncul dalam perbincangan ini adalah merujuk kepada golongan penghijrah yang berasal dari Taiwan terutamanya generasi muda yang membesar di Taiwan. Koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* dan *Penggagah* pada tahap kegemilangan penulisan Zhang Xiguo berjaya menggambarkan sekumpulan pengembala Taiwan yang terpaksa merantau di luar sepanjang tahun dan tidak rela atau tidak sanggup kembali ke tanah air sendiri.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

ada masa itu. Beliau terpaksa meninggalkan tanah air demi mengelakkan dirinya daripada menjelaki langkah generasi tua. Usaha penghijrah-penghijrah mencurahkan semangat nasionalisme di atas Taiwan yang dianggap “keluarga” atau tanah air mereka masih diragui. Hal ini akhirnya menjadi suatu imej penulisan yang penting di kalangan penulis di seberang laut pada masa itu. Dalam karya fiksyen “Tanah”, kelihatan penghijrah-penghijrah generasi muda di Taiwan masih sukar mengimbangkan diri dalam masyarakat Taiwan yang dipercayai akan bertapak di atasnya sepanjang hayat. Kini, inisiatif Zhang Xiguo untuk melepaskan genggaman budaya seterusnya berusaha mengakhiri pengejaran nostalgia di kalangan penulis Taiwan merupakan langkah yang wajar.

Malangnya, Zhang Xiguo yang baru meninggalkan tanah air pada tahun 1960an sememangnya tidak berdaya dalam menangani nostalgia yang menyelubungi beliau pada masa itu. Hal ini mengakibatkan penulisan beliau amat terbatas dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut. Sebagaimana yang dikatakan oleh Zhang Xiguo dalam penutup kata koleksi karya fiksyen *Tanah*, “Duniaku tidak berwarna kerana aku tidak pernah gembira.” (1979i: 250) Perasaan dilema yang menindas para penuntut Taiwan di Amerika Syarikat pada masa itu sebenarnya satu saluran untuk mereka menentukan kedudukan kampung halaman dalam pembentukan identiti mereka sebagai seorang warganegara Taiwan. Penulisan beberapa buah karya fiksyen lain dalam karya fiksyen “Tanah” pada tahap ini dikatakan suatu proses penentuan identiti Zhang Xiguo. Pada masa inilah, beliau berusaha menempatkan perasaan nasionalisme terhadap tanah airnya. Sebagaimana yang dikatakan oleh Jian Zhengzhen:

Koleksi karya fiksyen *Tanah* merupakan penulisan Zhang Xiguo yang terpenting. Karya ini bukan sahaja merupakan pembuka jalan dalam tema persoalan diaspora yang dipersembahkannya, bahkan karya ini merupakan suatu perbahasan yang penting untuk membuktikan hubungan pro dan kontra dalam tema-tema persoalan tentang diaspora (1995: 22).

Pada masa yang sama, karya fiksyen “Tanah” dikatakan sebagai asas pembentukan model pemikiran Zhang Xiguo dalam penulisannya kelak. Perubahan minda daripada pengejaran nostalgia ke tahap pembentukan identiti negara beliau sebagai warganegara Taiwan mendedahkan semangat nasionalisme seorang bangsa Cina terhadap masyarakatnya.

Selain karya fiksyen “Tanah”, beberapa buah lagi karya yang dihasilkan pada masa ini juga memperlihatkan sikap optimis Zhang Xiguo terhadap masyarakat yang disayanginya. Karya fiksyen “Upacara Berkhatan” menunjukkan keprihatinannya terhadap nasib intelektual Cina di seberang laut. Karya ini berlatarbelakangkan kempen melindungi kepulauan Diaoyu yang diadakan hangat di Amerika Syarikat pada awal tahun 1970an.⁶ Karya fiksyen “Banjaran Yaburuonuwei” menulis seorang pengajar yang mempengaruhi penulis terutamanya dalam bidang falsafah. Dalam karya fiksyen “Catatan tentang Tulang Luput”, beliau membentuk sebuah dunia puntianak dengan kekayaan daya imaginasinya dalam mendasari pengertian hidup insan. Sementara itu, dua buah lagi karya yang seharusnya diberi kepujian ialah karya fiksyen “Kebakaran” yang menyuarakan ketidakteraman seorang penuntut bangsa Timur sebelum membunuh diri. Perkembangan plot karya ini agak ringkas dengan mengisahkan

⁶ Karya fiksyen “Upacara Berkhatan” menyediakan langkah penting untuk Zhang Xiguo bersedia dalam penulisan novel *Kemarahan Masa Silam* yang akan dibincangkan dalam Bab 5 kemudiannya.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

kekecewaan seorang penuntut yang melanjutkan pelajarannya di seberang laut terhadap pelbagai masalah sosial dalam masyarakatnya melalui monolog watak tersebut. Kemunduran jiwa sedemikian diteruskan dalam karya fiksyen “Biografi Superhuman” yang memperlihatkan pandangan jauh penulis terhadap masa depan manusia sejagat.⁷ Sebuah lagi karya fiksyen berjudul “Sungai Pasir” juga bertujuan meninjau masa depan golongan intelektual dari perspektif seorang jurutera yang sanggup mengorbankan nilai-nilai moral dan kerohanianya dalam penciptaan teknologi yang canggih.

Ringkasnya, terdapat suatu persamaan ketara antara karya-karya fiksyen pada masa ini, yakni Zhang Xiguo tidak lupa untuk mencurahkan keprihatinannya terhadap pelbagai perubahan masyarakat Taiwan walaupun beliau dibanjiri nostalgia yang menebal pada masa itu. Namun, suasana persekitaran yang asing tidak menjauhkan jarak antara Zhang Xiguo dengan tanah air, malahan terus membangkitkan perasaan sayang akan kampung halamannya. Pada hakikatnya, pelukisan watak-watak dalam koleksi karya fiksyen *Tanah* berjaya menghasilkan sebuah potret masyarakat Taiwan yang berada dalam proses pembangunan. Koleksi karya fiksyen *Tanah* dikatakan sebagai suatu kesimpulan bagi Zhang Xiguo mengemaskini sisa-sisa nostalgia selama ini dan seterusnya membuka lembaran baru dalam penulisannya di seberang laut. Berasaskan kesetiaan dan kasih sayang yang bertapak kukuh di atas Taiwan sejak awal-awal lagi, beliau

⁷ Karya fiksyen “Biografi Superhuman” merupakan karya fiksyen sains pertama yang dikarang Zhang Xiguo. Sumbangan beliau terhadap fiksyen sains China memartabatkan status Zhang Xiguo dalam bidang kesusasteraan Taiwan. Perbincangan fiksyen sains Zhang Xiguo akan diteruskan dalam bahagian 5.3.

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

dikatakan tidak mudah terjerumus ke dalam kekeliruan dan kesangsian yang wujud di kalangan penulis Taiwan yang berhijrah dari tanah besar China.⁸

Sehubungan itu, Zhang Xiguo berikhtiar untuk menerokai suatu jalan keluar bukan sahaja bagi dirinya malah membawa pengertian baru dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut. Sikap kesedaran ini dapat dibandingkan dengan prinsip hidup yang dipegang oleh Profesor Li Oufan yang bermastaudin di Amerika Syarikat. Beliau berusaha menyesuaikan dirinya dalam pertembungan kedua-dua budaya Timur dan Barat dengan menilai semula kedudukannya yang dikatakan “disingkir” oleh tanah air sendiri. Pegangan hidup Li yang berdasarkan konsep “keduniaan” dan “kecinaan” memudahkan beliau menerapkan dirinya ke dalam budaya asing di samping mengekalkan akar tradisi sendiri. Justeru, tekanan jiwa dan bebanan seorang pengembara akan dapat dikurangkan walaupun berada di luar tanah air. Tambahan pula, ketenangan ini membolehkan beliau menerokai keistimewaan budayanya (1996: 486). Walau bagaimanapun, Zhang Xiguo pada masa itu masih terkurung dalam nostalgianya dengan penulisan yang masih mentah lagi memandangkan koleksi karya fiksyen *Tanah* hanya merupakan suatu pembuka jalan baginya pada tahap ini.

Pemikiran rasional yang ada pada seorang intelektual memangkinkan proses penilaian semula dalam penulisan Zhang Xiguo. Lebih-lebih lagi, beliau bersungguh-sungguh untuk menetapkan dirinya di rantau orang pada tahap yang

⁸ Sesungguhnya, “keluarga” atau “tanah air” yang dijadikan asas penulisan Zhang Xiguo menjadikan karya beliau berbeza daripada penulisan-penulisan lain dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut yang sezamannya.

Bab 4 Pengembaran Zhang Xiguo

diangap zaman kegelapan baginya.⁹ Dalam hal ini, hubungan tegang antara beliau dengan tanah air seharusnya diperlihat sebagai suatu proses pengejaran ilmu pengetahuan dan kebebasan bagi seseorang intelektual sepertinya. Edward Said memberi penjelasannya terhadap situasi mengembara bagi golongan intelektual ini:

Golongan intelektual diibarat sebagai mangsa yang terkorban dalam nahas kapal. Maka, mereka seharusnya belajar bagaimana hidup dengan tanah air tetapi bukannya bergantung kepada tanah air dalam kehidupan yang dipukul ombak itu (1997: 97).

Kita memperlihatkan watak-watak yang dilukis Zhang Xiguo terutamanya dalam karya-karya fiksyen selepas *Kapal Pisang* begitu berusaha dalam berjuang untuk nasib sendiri. Seorang intelektual yang beriltizam tidak akan menerima nasib malang dalam segala rungutan. Justeru, Zhang Xiguo tidak menunduk nasibnya dalam sejarah yang memisahkanya dengan tanah kelahiran. Malahan, beliau seakan-akan seorang “pelancong” di luar Taiwan yang berusaha melepaskan nostalgia yang membenggu generasi tua dan generasi sezamannya. Dorongan ini seterusnya membolehkan generasi muda ini mengenalpasti kepentingan tanah air mereka. Justeru, koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” turut menyerlahkan pendirian Zhang Xiguo yang amat tegas dalam identiti negara dan bangsa.

⁹ Dalam penutup koleksi karya fiksyen *Tanah*, Zhang Xiguo memberi gambaran terhadap perasaannya pada masa itu. Menurutnya, “Dunia yang dapat aku lihat di sini adalah begitu gelapnya. Aku tidak dapat gembira.” (1979i: 251) Selain itu, beliau mengakui bahawa walaupun empat tahun meninggalkan kampung halamannya dan berada di Amerika Syarikat ketika menghabiskan enam buah karya fiksyen tersebut, tetapi beliau mendapati dirinya masih dilanda dilema yang semakin mendalam (1979i: 249).

Bab 4 Pengembaran Zhang Xiguo

Dalam pengaruh aliran Modernisme dan diikuti pula kepelbagaiannya trend sastera seperti Sastera Penuntut Seberang Laut dan Sastera Tanah Air yang dibangkitkan sejak akhir tahun 1960an, langkah Zhang Xiguo menempatkan kedudukannya dalam bidang kesusteraan Taiwan sebenarnya merupakan suatu peranan yang agak berat. Koleksi karya fiksyen *Tanah* semata-mata suatu batu loncatan untuk beliau merentangi belenggu dalam ruang lokasi yang membatasi penulisannya pada masa itu. Maka, penegakan identiti bangsa dan negara yang merupakan tulang belakang penulisannya seharusnya diberi penekanan utama. Ernest Renan (1823-1892) dalam artikelnya yang berjudul “Apakah itu Negara” (What is Nation) pernah mengatakan bahawa faktor-faktor seperti bangsa, bahasa, agama, kejuruteraan, kepentingan material mahupun ruang lokasi tidak memadai untuk membentuk sesebuah “negara”. Menurutnya:

“Negara” adalah titik peluh rakyat yang berhasrat untuk menyumbangkan tenaga mereka. Lantaran itu, sesebuah negara akan mewujudkan identiti negaranya dalam sejarah negara itu. Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing, rakyat sesebuah negara seharusnya menunaikan cita-cita ini (1993: 19).

Jelasnya, rakyat sesebuah negara seharusnya menggembung tenaga dalam mencapai pembangunan negaranya. Sokongan spiritual ini merupakan asas pembangunan sesebuah negara dan kemudian membawa persoalan identiti negara seperti yang ditinjau oleh Zhang Xiguo dalam karya-karyanya selama ini.

4.2 PENGEMBARAAN DI LUAR TAIWAN

Dalam bab terdahulu, kita mendapati bahawa Zhang Xiguo telah menampilkan kedahagaan beliau untuk “keluar” dari tempat membesarnya atas sebab-sebab tertentu. Bagi kebanyakan penulis sezamannya, keinginan “keluar” dari Taiwan adalah disebabkan oleh mereka gagal mengimbangkan diri di tanah baru dalam penghijrahan lalu. Bebanan yang diwarisi dari generasi tua menyemarakkan lagi pemergian generasi muda pada masa itu. Dalam hal ini, Zhang Xiguo tidak pernah menafikan Taiwan ialah “keluarganya”. Sejak koleksi karya fiksyen *Tanah* diterbitkan, kebanyakan pengkaji sastera Taiwan amat menekankan kesayangan dan pengiktirafan Zhang Xiguo terhadap Taiwan (Yang, 1976: 4). Namun, mereka sebenarnya mengabaikan motif penulisannya di sebalik pembentukan nasionalisme yang mendalam. Tambahan pula, koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* yang terselit hasrat golongan intelek berkeinginan “keluar” dari tanah air telah memberangsangkan pembaca untuk mendalami motif pemergian watak-watak Zhang Xiguo pada kali ini.

Dalam usaha mengemaskan sisa-sisa nostalgia, Zhang Xiguo menegaskan pendirian seperti berikut dalam penutup kata koleksi karya fiksyen *Tanah*:

Tidak rela lagi aku memainkan watak dungu dalam Sastera Penuntut Seberang Laut yang bosan ini. Sastera ini hanya suatu jalan mati yang tidak mempunyai masa depan cerah...maka aku tidak lagi ingin menceburkan diri dalam bidang ini. Penulisan koleksi karya fiksyen *Tanah* agaknya adalah sumbangan terakhirku terhadap bidang Sastera Penuntut Seberang Laut (1979i: 252).

Walau bagaimanapun, karya-karya Zhang Xiguo kemudian yang tidak terhenti-henti menular ke arah hidup penghijrah-penghijrah Cina terutamanya penuntut-

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo penuntut Taiwan di seberang laut adalah bercanggah dengan kata-katanya di atas. Justeru, pandangan kebanyakan pengkaji sastera terhadap penulisannya sebelum itu seharusnya diberikan pertimbangan semula dalam persoalan ini. Sekiranya ditinjau dari tema persoalan Sastera Penuntut Seberang Laut yang sempit dan berulang-ulang, kesedaran Zhang Xiguo untuk membebaskan dirinya diripada bidang ini dikatakan suatu tindakan yang positif. Kebosanan plot dalam mengisahkan kehidupan penuntut-penuntut Taiwan di seberang laut yang pesimis dan tidak sihat sememangnya tidak menyenangkan Zhang Xiguo. Hal ini menjadi lebih serius ketika beliau terlihat para penulis pada masa itu tidak berkesedaran dan terus menggambarkan pengembaraan yang terseksa dalam jangka masa yang panjang.

Sebaliknya, Zhang Xiguo lebih beriltizam tinggi dalam menghasilkan koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” dan novel-novel, misalnya *Kemarahan Masa Silam* dan *Sungai Kuning*. Karya-karya ini telah menggerakkan beliau ke arah puncak kegemilangannya pada tahun 1980an dan pencapaian ini terus menjadikan Zhang Xiguo sebagai penulis yang mustahak antara penuntut-penuntut Taiwan generasi ketiga di seberang laut (Bai Xianyong, 1985a: 35). Sebagai seorang pembaca atau pengkritik sastera yang berpandangan jauh, penekanan kita tidak seharusnya terbatas atas sumbangan Zhang Xiguo dalam bidang Sastera Penuntut Seberang Laut, malah tinjauan beliau dalam mendasari pergelutan batin intelektual Cina di seberang laut adalah amat bermakna. Berpandukan gaya persembahan yang kian matang, Zhang Xiguo kini memperluaskan skop penulisannya ke arah persoalan manusia sejagat. Koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” (1976-1984) yang kaya dengan ciri-ciri

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

penulisan fiksyen yang padat berjaya membayangkan tema persoalan di atas dan seterusnya membawa pemahaman kita ke arah hubungan beliau dengan negara dan bangsanya.

Setelah koleksi karya fiksyen *Tanah* diterbitkan, beliau sanggup memberhentikan penulisan fiksyennya selama dua tahun dan menumpukan perhatian sepenuh dalam karya-karya kritikan di *Majalah Universiti*. Sebagai editor majalah tersebut, beliau bertanggungjawab dalam keluaran yang berjudul *Koleksi Di Luar Tanah*. Kebanyakan kritikan beliau adalah ditujukan kepada masyarakat Taiwan yang melangkah ke arah pemodenan dan masa depan bangsa Cina secara menyeluruh. Sesungguhnya, koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* memperlihatkan usaha Zhang Xiguo dalam membebaskan dirinya daripada sebarang nostalgia yang pernah menyelubungi generasi tua dan para penulis sebelum itu. Dalam karya ini, Zhang Xiguo menggambarkan sebuah potret golongan pengembara dari aspek-aspek yang lain.

4.2.1 HIDUP TERSEKSA DI AMERIKA SYARIKAT

Sebagai seorang penulis yang berintelek, Zhang Xiguo berkecenderungan dalam meninjau perkembangan intelektual Cina terutamanya mereka yang berada di seberang laut. Mereka termasuk segolongan penuntut Taiwan yang melanjutkan pelajaran di Amerika Syarikat dan kemudian mendirikan kerjaya sendiri di situ seperti Zhang Xiguo. Pengalaman beliau merantau di seberang laut banyak memberikan ilham kepada penulisannya. Katanya, “Bagiku, tiada kehidupan dan pergelutan insan, maka tidak akan wujud karya fiksyenku.” (2001a: 148) Sehubungan itu, koleksi *Kapal Pisang* yang meninjau kehidupan golongan

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

intelek di seberang laut dapat disimpulkan sebagai suatu usaha Zhang Xiguo dalam mengatur jalan keluar bagi generasinya yang “terseksa” dalam sejarah. Kebanyakan watak dan perwatakan yang dilukiskan dalam karya ini adalah berlandaskan hidup segolongan pengembara Taiwan yang sunyi akibat tidak dapat atau tidak rela pulang ke tanah air mereka.

Pada tahun 1972, karya fiksyen berjudul “Budak Merah” (Hong Hai’er) merupakan karya pertama antara enam buah karya-karya tersebut. Karya ini dipersembahkan dalam bentuk surat dengan memaparkan pergolongan intelek yang melibatkan diri dalam kegiatan politik ketika melanjutkan pelajaran mereka di Amerika Syarikat. Gao Qiang yang bercita-cita untuk menyumbang tenaga kepada bangsa Cina di seberang laut bergiat aktif dalam organisasi politik dan pengeluaran majalah. Beliau bukan sahaja telah mengabaikan pelajarannya malah beliau terpengaruh dengan pemikiran Komunis dalam perjuangan kempen melindungi kepulauan Diaoyu. Beberapa orang watak lain misalnya, Chen Jigang, Wang Fucheng, Zhong Gui turut berasa kecewa terhadap percanggahan ideologi dan perpecahan di kalangan ahli kempen tersebut. Gao kemudiannya tidak menghadiri ujian lisan di peringkat pengajian ijazah kedoktoran dan pulang ke tanah besar China. Wang Fucheng pula kembali ke Taiwan sebaik sahaja mendapat ijazah sarjana mudanya. Manakala Zhong Gui mengalih perhatiannya ke atas hal-hal agama dan keluarga sahaja. Nasib yang ditanggung oleh penuntut-penuntut di luar negara di atas benar-benar mengecewakan mereka yang pernah menaruh segala harapan sebelum melangkah keluar dari Taiwan.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

Berasaskan pengalaman Zhang Xiguo di seberang laut, beliau amat mengambil berat terhadap nasib intelektual-intelektual yang berada di Amerika Syarikat pada masa itu. Pelbagai permasalahan yang ditemui intelektual Cina di seberang laut pada hakikatnya diertikan sebagai “pergelutan insan” dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* (2001a: 148). Beliau lantas memberi penjelasan yang selanjutnya kepada pembaca pada tahap penyiapan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*. Menurutnya, “Penulis-penulis lain mengarang demi kesenian. Tetapi ini adalah hal mereka...aku tidak. Penulisanku bukannya suatu persembahan seni. Aku mengarang demi insan sejagat.” (2001a: 148) Kata-kata Zhang Xiguo ini mengakibatkan pengkaji-pengkaji sastera kemudiannya menyimpulkan bahawa beliau ialah seorang penulis yang cenderung kepada “kecinaan”.¹⁰ Pada hakikatnya, gaya persembahan yang terserlah dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah* terus membuka lembaran baru dalam bidang penulisan Zhang Xiguo. Dalam hal ini, Jian Zhengzhen, pengkritik sastera moden di Taiwan berpendapat bahawa gaya penulisan Zhang Xiguo yang tersendiri adalah modal utama untuk beliau merealisasikan tema-tema persoalannya. Mesej penulisan yang terselit dalam karya-karya ini membolehkan beliau membezakan dirinya daripada penulis-penulis lain dalam mempersempahkan hidup pengembaraannya (1995: 25).

Lantaran, intelektual Cina di seberang laut dijadikan sasaran utama dalam penulisan Zhang Xiguo. Dalam karya fiksyen “Kapal Pisang”, Zhang Xiguo menjadikan watak Li, seorang penyeludup sebagai ironi untuk mengkritik

¹⁰ Dalam temuramah dengan Long Yingtai, Long berpendapat, “Tema penulisan Zhang Xiguo adalah berasaskan perasaan kesayangannya terhadap kebudayaan Cina. Novel *Kemarahan Masa Silam* dan koleksi karya fiksyen ‘Siri Roh Pengembara’ diterbitkan untuk meninjau pelbagai permasalahan orang Cina.” (1985a: 203).

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

It-penuntut berpelajaran tinggi yang mengidam-idamkan kehidupan di sana. Syarikat pada masa itu. Dalam perjalanan kembali ke Taiwan, Huang n, seorang lepasan mahasiswa yang bekerja di Amerika Syarikat disindir hak berkuasa Amerika Syarikat ketika diminta menjaga Li yang dihantar i ke tanah airnya. Kata polis itu, "Kau orang Cina? Encik ni berasal dari nu. Dia diusir oleh kerajaan Amerika Syarikat kerana menyeludup..."

1-2) Kata-kata yang menyinggung perasaan ini adalah bertujuan r sendakan perlakuan orang-orang Cina yang bermati-matian untuk ik Amerika Syarikat pada masa itu. Semasa mereka bersinggah di Tokyo, li lagi mencari jalan untuk menyeludup ke Amerika Syarikat sungguhpun am akan tindakan ini mungkin akan meragut nyawanya. Tetapi, beliau d berbuat demikian semata-mata berkeinginan mengaut keuntungan di a Syarikat. Malang tidak berbau. Li akhirnya terjatuh ke dalam gudang lan tidak dapat diselamatkan (1989a: 10). Sementara itu, Huang berasa alah ketika diatur kembali ke Taiwan untuk mencari jodoh. Seorang gadis temui Huang dalam perjalanan lantas menjadi peramah ketika mengetahui bermastaudin di Amerika Syarikat. Pelbagai perwatakan yang ditampil hang Xiguo sebenarnya adalah untuk mengkritik kedunguan intelektual i seberang laut yang sanggup menjatuhkan maruah mereka untuk bertapak ri ka Syarikat yang diibarat sebagai syurga itu.

Akan tetapi, idaman intelektual Cina ini akhirnya langsung lenyap dalam ibaran. Mereka tidak memperoleh sebarang pulangan dalam mengejar mereka. Setiba di tanah asing, penuntut-penuntut Taiwan tidak dapat an daripada mempertimbangkan masa depan dan nasib mereka di situ.

Bab 4 Pengembaran Zhang Xiguo

Suasana persekitaran baru berkali-kali mengecewakan mereka. Persaingan hebat di Amerika Syarikat menyebabkan peluang pekerjaan mereka hanya terhad di universiti, bidang penyelidikan, perpustakaan dan restoran sahaja. Sebagaimana yang dihujahkan oleh Doktor Jin Yaoji, pengetua Universiti Hong Kong yang pernah menuntut di Amerika Syarikat, “Kesunyian melandai intelektual Cina disebabkan mereka disisih oleh masyarakat Amerika Syarikat. Walaupun mereka mencapai kejayaan dalam bidang tertentu, namun masyarakat Barat sukar melahirkan semangat kaakuan terhadap mereka. Sementara itu, budaya tradisional yang berakar umbi pada mereka menyebabkan intelektual Cina tidak sudi menafikan kebudayaan Cina.” (1994: 85)

Yang mengecewakan lagi golongan intelek, sumbangan mereka dalam bidang ilmiah, negara dan nusa hanya suatu kekosongan. Karya fiksyen “Syarikat Kita” (Ben Gongsi) adalah antara karya yang paling banyak menampilkan citra-citra intelektual Cina di seberang laut. Kedahagaan penuntut-penuntut Taiwan untuk berkhidmat dengan orang Amerika Syarikat pada masa itu jelas kelihatan dalam karya ini. Ye seorang pengurus anak syarikat Amerika Syarikat di Taiwan sentiasa berasa masa depannya tidak terjamin. Pada hakikatnya, tekanan jiwa intelektual-intelektual adalah disebabkan mereka terlalu mengejar arus pemodenan Amerika Syarikat pada tahun 1970an. Kebanyakan penuntut ini tidak sudi pulang ke tanah air selepas menamatkan pelajaran, sebaliknya mereka mengharapkan pekerjaan yang berpendapatan lumayan di tanah orang putih. Namun, persaingan hebat di Amerika Syarikat selalunya mengecewakan mereka.

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

Sementara itu, pemergian mereka yang agak lama di luar Taiwan mengakibatkan mereka tidak lagi mengambil berat kehidupan bangsa Cina di tanah air sendiri. Hal ini turut menyediakan kebanyakannya intelektual pada masa itu, termasuk Zhang Xiguo. Perwatakan Ye jelas menunjukkan ketidakseimbangan jiwa golongan intelek pada masa itu. Sindiran Ye terhadap dirinya, "Sunyinya bekerja setengah tahun di sini. Aku nak ambil cuti sebulan untuk kembali ke Taiwan dan mencari seorang yang kucintai...aku memang tiada kelebihan tapi tinggalnya sedikit semangat nasionalisme yang tulen." (1989d: 40) Justeru, kelihatan Ye dilandai kerunsungan ketika mencari nafkah di rantau Barat. Beliau ingin meletakkan jawatannya di Amerika Syarikat dan kembali ke Taiwan. Hatinya bercelaru terutamanya Song Zijia, rakan sejawatnya berkata sedemikian:

Benarkah kamu nak pulang ke Taiwan begitu sahaja? Kamu pulang dengan apa? Kalau pulang tanpa ijazah kedoktoran, janganlah harap-harap dapat hidup dalam masyarakat Taiwan! (1989d: 41)

Sememangnya, intelektual Cina di seberang laut pada masa itu berazam untuk memperoleh ijazah kedoktoran sebelum pulang ke Taiwan. Kepinggan ijazah ini seolah-olah berkemampuan untuk menebus kesunyian yang dialami mereka sepanjang masa di negara asing, lebih-lebih lagi "kejayaan" ini dijadikan suatu alasan munasabah untuk mereka mengembala di rantau asing.

Dalam hal ini, Zhang Xiguo berkesedaran atas peranan dan tanggungjawabnya sebagai seorang intelektual. Beliau amat mengambil berat terhadap realiti masyarakat Taiwan. Yang Mu, seorang sarjana dan pensyair yang terkenal di Taiwan mengatakan bahawa Zhang Xiguo ialah seorang penulis yang

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

mementingkan kedudukan sastera dan seterusnya membuktikan “ilmu pengetahuan” dan “golongan intelektual” adalah dua unsur yang penting dalam masyarakat (2001: 1). Memang tidak dapat dipertikai bahawa Zhang Xiguo ialah seorang penulis yang bertanggungjawab terhadap tanah yang membesarkannya.

Menurut Zhang Xiguo dalam sebuah wawancara dengan Xia Zuli:

Dewasa ini, intelektual Cina seharusnya mencari jalan sendiri demi kepentingan masa depannya. Sekiranya beliau masih mengekalkan kesombongannya, beliau akan dilandai kesunyian sahaja. Beliau tidak memahami keperluan khalayak ramai seakan-akan dirinya tidak difahami oleh orang lain. Maka, segala hasil penulisan dan dirinya akan lenyap akhirnya (1977: 42).

Intelektual Cina bukan sahaja mengalami penderitaan akibat tekanan sejarah di rantau asing, malahan pengembalaan ini tidak mampu memberi suatu jalan penyelesaian kepada mereka. kesunyian dan dilema yang sentiasa menyerang mereka membebankan lagi golongan pengembala ini. Pandangan Edward Said yang ditujukan kepada golongan pengembala dapat menerangkan situasi intelektual Cina di bawah penulisan Zhang Xiguo dengan tepat sekali:

Bagi kebanyakan pengembala, permasalahan mereka bukan sahaja disebabkan mereka terpaksa meninggalkan tanah air, bahkan realiti masyarakat di tanah asing akan sentiasa mengingatkan mereka bahawa mereka ialah segolongan yang disingkirkan. Sementara itu, kemudahan alat perhubungan dalam masyarakat moden mudah membawa mereka kembali ke tanah air yang tidak berjauhan. Pada hakikatnya, pengembala-pengembala ini tidak dapat pulang ke tanah air dan terpaksa terus mengembala. Justeru, mereka sentiasa berasa diri mereka berada di antara tanah air dan rantau asing kerana tidak diterima bulat-bulat di tanah baru. Pada masa yang sama, hubungan mereka dengan tanah air tidak dapat diputuskan. Mereka begitu rindu akan tanah air sendiri tetapi mereka sebenarnya ialah pengembala yang miseri (1997: 86-87).

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

Zhang Xiguo memberi penekanannya terhadap masa depan intelektual Cina di seberang laut sejak awal-awal lagi memandangkan beliau begitu berusaha mengatur suatu jalan keluar untuk mereka. Namun, karya-karya ini memperlihatkan kekejaman penulis dalam mengatur tragedi yang tidak pernah berakhir kepada pengembara-pengembara ini. Akhirnya, mereka menemui kematian (Yang, 2001: 6). Walau bagaimanapun, Zhang Xiguo mendasari kejiwaan intelektual-intelektual dengan berkata, "Sengsara yang dialami oleh penuntut-penuntut di seberang laut dalam karya Bai Xianyong yang berjudul 'Kematian Chicago' (Zhijiage zhi Si) tidak wujud lagi pada masa kini. Sebaliknya permasalahan ini diunjurkan kepada bangsa Cina di seberang laut secara amnya." (Xia Zuli, 1977: 43) Lantaran, kita akan terus mendasari perkembangan naluri bagi golongan intelek tersebut.

4.2.2 MENUJU KE JALAN MATI

Bagi Zhang Xiguo, nasib malang dan bersimpati di kalangan intelektual Cina di seberang laut adalah satu-satunya saluran untuk memperlihatkan pergelutan insan pada tahap ini. Jika kita mengimbas kembali jalan yang dilalui oleh kebanyakan penulis yang membesar di Taiwan, didapati jalan keluar ini langsung tidak menjanjikan ketenangan seperti yang diidam-idamkan. Tragedi yang tidak pernah berakhir turut ditimpa kepada mereka. Karya fiksyen "Sungai Danube yang Kebiru-biruan" (Lanse Duonahe) secara tidak langsung membayangkan nasib pengembara-pengembara yang begitu lemah sekali untuk menempuh pelbagai kesulitan dalam pengembalaan. A Zhen adalah antara pengembara yang paling muda tetapi lebih tabah dan tahan lasak jika berbanding dengan golongan intelek di atas. Dia melarikan diri dari Guangzhou ke Hong

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

Kong untuk melupakan segala penderitaan yang pernah dialaminya ketika Revolusi Budaya di tanah besar China. Hong Kong yang tidak jauh dari tanah besar China dijadikan tempat persinggahan dalam pelarian ini. Katanya, "Jika berdiri di atas puncak gunung, masih dapat kulihat ke arah tanah air." (1989b: 16) Perasaan rindu akan tanah air ini begitu menyentuh hati pembaca. Di Hong Kong, A Zhen menemui seorang pensyarah Jerman yang sudi menanggung hidupnya jika A Zhen sanggup membekalkan pengalamannya dalam Revolusi Budaya. Namun, keberatan A Zhen menceritakan sejarah ini terbukti anak ini enggan mengimbas kembali kesengsaraan tersebut. Timbulnya pelbagai kesangsian pada dirinya ketika diajak ke Jerman untuk meneruskan tugas tersebut:

Mengapakah begitu keberatan untuk melupakan segala orang di tanah airmu? kau benci pada diri... sudikah kau meninggalkan Hong Kong? Apakah yang kau rindu di sini? Kau seharusnya meninggalkan tanah airmu dan segala orang Cina di sini. Jerman barulah suatu tempat yang benar-benar aman damai! (1989b: 16-17)

Budaya diaspora sebenarnya merupakan suatu tindakan yang merengangkan hubungan individu dengan tanah air sendiri, lebih-lebih lagi ketika ideologi seorang pengembara bercanggah dengan pusat pemerintahan di tanah airnya. Hubungan rapat yang ada pada seorang pengembara dengan tanah air mengakibatkan beliau diselubungi perasaan sunyi-sepi dalam perpisahan dan seterusnya menjadi pesimis serta tidak berdaya menghadapi sebarang cabaran dalam hidup pengembalaan. Secara optimis, hidup berkembara merupakan corak hidup pengembara untuk mengenalpasti pengertian hidupnya. Beliau yang meninggalkan tanah air secara paksaan atau sukarela akan mendasari kepentingan tanah air terhadapnya. Namun, imej tanah air yang sentiasa muncul dalam pengembalaan A Zhen tidak memberi kesenangan, sebaliknya tindakan melarikan

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xigu

diri telah mendedahkan anak ini kepada segala penderitaan dan pergelutan. Detik-detik sejarah yang dibekalkan A Zhen kepada pengkaji Barat memaksa dia berdepan dengan sejarah negara yang merupakan suatu kelukaan dan penghinaan bagi bangsanya, lebih-lebih lagi dia tidak dapat memaafkan dirinya yang seolah-olah telah “mengkhianati” negara dan bangsa sendiri. Maka, wujudnya sindiran A Zhen terhadap dirinya:

Kau cintai China, tetapi China tidak pernah cinta akan kau.
Kau terpaksa menunggu saja. Tunggu China yang akan menghulurkan tangannya kepada kau. Saat itulah, kau rasa diri tidak akan meninggalkannya (1989b: 26).

Usaha untuk membebaskan diri daripada kelukaan sejarah tidak mudah seperti yang dinyatakan. Situasi A Zhen membolehkan kita mengimbas kembali peristiwa sejarah pemisahan Taiwan daripada tanah besar China seperti yang dibincangkan dalam Bab 2. Mangsa-mangsa yang tidak berdaya menentang nasib yang diwarisi mereka akhirnya menjadikan “pemergian” atau “pelarian” sebagai suatu jalan penyelesaian. Dalam hal ini, Liu Xiaofeng menjelaskan situasi pengembala-pengembala ini seperti berikut:

Diaspora bermaksud seseorang itu disingkirkan atau beliau meninggalkan tanah air sendiri secara paksaan. Dialog yang ada pada seorang pengembala menunjukkan “ketiadaan keluarga” manakala dialog yang dimiliki oleh pihak pemerintah menunjukkan “kewujudan keluarga”. Di samping itu, budaya diaspora adalah bercorak individu. Justeru, diaspora merupakan sebuah “wawancara individu” tetapi bukan sebuah “wawancara kepada kuasa pemerintah” (1990: 117).

Tindakan A Zhen dalam menentukan suatu titik keseimbangan di rantau asing dapat diperlihatkan sebagai suatu usaha pengembala yang “ketiadaan keluarga”.

Bab 4 Pengembalaan Zhang Xiguo

Dia terpaksa memilih corak hidup tersendiri. Walau bagaimanapun, A Zhen sukar menyesuaikan diri dalam situasi yang dihujahkan oleh Liu Xiaofeng di atas. Kehidupan mengembara ini sebenarnya memerlukan keberanian dan ketabahan. Namun, A Zhen masih tidak dapat menangani kesulitan ini sehingga terpaksa menuju ke jalan mati yang merupakan satu-satunya pilihan baginya.

Pada hakikatnya, Liu Xiaofeng berkeyakinan bahawa seseorang insan berupaya menangani tragedi yang berlaku ke atasnya jika beliau menguasai ilmu pengetahuan yang secukupnya dalam mendirikan cara hidup yang tersendiri (1990: 117). Namun, kebanyakannya watak Zhang Xiguo masih tidak mampu menguasai keilmuan ini. Tragedi berulang pada sepasang suami isteri yang melanjut usia dalam karya fiksyen yang berjudul “Pembunuhan di Musim Dingin” (Dongye Shashou). Karya ini mengisahkan riwayat seorang perjuang Komunis yang dibunuhi mati oleh perompak bersama temannya di Amerika Syarikat pada suatu musim sejuk. Plot karya fiksyen yang ringkas dan tiada banyak perbualan antara watak-wataknya mewujudkan suatu “wawancara” diaspora yang bercorak individu sebagaimana yang disebut oleh Liu Xiaofeng di atas. Wawancara ini tersiratnya kesunyian seorang pengembala yang “disingkir” di luar tanah air. Sementara itu, gaya persembahan Zhang Xiguo yang tidak berbunga-bunga bahasa dalam karya ini memudahkan pembaca untuk menilai keterbuangan asing di sebalik perjuangan watak ini di rantau orang.

Memang benar Zhang Xiguo ialah seorang intelektual Cina yang berkewibawaan tinggi dan berpandangan jauh dalam menilai masyarakat Taiwan

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

berasaskan keilmuannya. Dalam penutup kata koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*, Zhang Xiguo memberi penjelasan terhadap penulisannya pada tahap ini:

Aku merantau ke merata-rata tempat beberapa tahun ini. Namun, pengembaraan ini disebabkan sikap keterlaluanku yang gemar mengambil berat hal orang lain. Selama ini, mengarang adalah satu-satunya kegemaranku. Justeru, jika aku tidak dapat sentiasa mengambil berat tanah air yang membesarkanku dan menghidu udara negaraku, maka aku akan kehilangan satu-satunya sumber penulisan ini. Kehadiranku di dunia ini juga akan kehilangan maknanya. Hasratku sejak beberapa tahun ini hanya ditujukan kepada tanah air sahaja. Setiap saat pun, aku terasa diriku dialu-alu untuk kembali ke situ (1989c: 148).

Dengan kata lain, pengembaraan Zhang Xiguo ke rantau asing menjadi gerakan utama dalam penulisannya dan seterusnya memberangsangkan pembentukan ideologi bangsanya. Namun, pengembaraan ini juga menghasilkan tekanan jiwa baginya. Koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* yang bertemakan pergelutan insan memperlihatkan rasa terbuang Zhang Xiguo pada masa ini dengan tepat sekali.

“Kebanjiran di Lumen’er” (Shuiyan Lumen’er) yang merupakan karya fiksyen terakhir dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* akan dipetik dalam bahagian ini sebagai kesimpulan untuk menerangkan perubahan minda yang ketara pada seorang pengembara, termasuk Zhang Xiguo. Beliau memperluaskan skop pengembaraan ke arah manusia sejagat yang melepassi batasan ruang dan budaya. Karya ini mempersempahkan sebuah dunia pengembara yang terdiri daripada Lin Xin, seorang penuntut tanah besar China, sepasang suami isteri dari Poland yang mengendali rumah tumpangan, penghuni-penghuni lain seperti Tony dan Ketty dari Eropah dan sebagainya. Zhang Xiguo memetik “rumah tumpangan” sebagai imej yang sentiasa bertukar wajah dalam mempersempahkan

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

dunia pengembala ini. Tambahan pula, kebanyakan pengembala di sini tidak terlepas daripada tragedi yang berlaku pada mereka. Misalan, Tony seorang kaki botol akhirnya mati tanpa sebab, Ketty kehilangan suaminya dan pensyarah Rusia yang ketidakwarasan akal akhirnya dihantar ke rumah orang tua. Nyatalah, Zhang Xiguo di sini berusaha menyelaraskan penyeksaan jiwa di kalangan intelektual Cina dengan persoalan intelektual diaspora (diasporic Intellectuals) yang hangat dipertikaikan di negara-negara Barat selama ini.

Dalam hal ini, Zhou Lei (Rey, Chow) pernah memetik ulasan Khachig Tololyan dalam karyanya yang berjudul *Penulisan di Luar Tanah Air* (*Xie Zai Jiaguo Yiwai*) untuk menjelaskan hidup pengembalaan di kalangan intelektual Cina. Menurutnya:

Golongan pengembala merupakan mereka yang merentasi sempadan negara. Mereka membayangkan suatu permasalahan yang wujud di sempadan (borders). Namun, permasalahan ini tidak seharusnya dicari jalan penyelesaiannya. Ini disebabkan cara hidup di luar tanah air sebenarnya mendedahkan suatu pengertian hidup yang asas... (1995: 21).

Penerangan ini jelas menunjukkan nasib golongan pengembala dalam karya fiksyen “Kebanjiran di Lumen’er” adalah segolongan yang “kehilangan keluarga” sebenarnya. Walau bagaimanapun, usaha Zhang Xiguo dalam mempertahankan kegigihannya ke atas mereka adalah amat terpuji. Penghuni-penghuni berlainan etnik dan budaya dapat bergaul mesra dan saling membantu dalam membentukkan corak hidup tersendiri sebagaimana yang dikatakan oleh Zhou Lei di atas. Keutuhan semangat pengembala-pengembala ini sememangnya suatu pencapaian

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo
yang murni di sini. Memang benar usaha ini akhirnya menjadi suatu realiti yang tidak didugai oleh Zhang Xiguo sendiri.

Justeru, nasib bagi golongan pengembara adalah tidak pesimis seperti yang digambarkan oleh para penulis sebelum ini. Sebagai seorang intelektual Cina yang menetap di seberang laut dalam jangka masa yang agak panjang, Zhang Xiguo tidak pernah berputus asa dalam memperjuangkan nasib intelektual Cina. Kata beliau, “Keenam-enam buah karya fiksyen ini tidak semata-mata diselubungi kesedihan sahaja. Bagiku, sekurang-kurangnya tidak.” (2001a: 148) Lantaran, pengembara-pengembara ini kelihatan berjaya pulang ke pangkuhan tanah air sendiri dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah* setelah dua tahun Zhang Xiguo mengemaskini sisihan kesedihannya.¹¹

4.3 MASYARAKAT TAIWAN YANG MENGHAMPAKAN

Selepas penulisan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*, Zhang Xiguo bertekad menuju ke arah corak persembahan yang lebih optimis dan tiada banyak kesedihan (2001b: 148). Ini terbukti dalam koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” jilid kedua, yakni *Penggagah* (1978-1984) yang menunjukkan keikhlasan beliau dalam menempatkan semula kedudukan intelektual Cina di tanah air sendiri. Tragedi yang tidak pernah berakhir dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* benar-benar menyakitkan hati Zhang Xiguo serta intelektual-intelektual sezamannya. Pengembalian golongan intelek ke Taiwan dikatakan

¹¹ Dalam koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” jilid pertama, yakni *Kapal Pisang*, Zhang Xiguo memberi kesimpulannya, “Mengikut cadangan saya sebelum ini, beberapa buah karya fiksyen kemudiannya semestinya mempunyai kesudahan yang gembira, sekurang-kurangnya tidak sedih lagi.” (2001a: 148)

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

suatu lagi alternatif selain “kematian” yang dialami oleh watak-watak dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* sebelum ini. Justeru, koleksi karya fiksyen *Penggagah* akan meneruskan peranan Zhang Xiguo dalam menentukan suatu titik keseimbangan bagi golongan pengembara.

Dalam tempoh penulisan ini, kita bukan sahaja dapat memperlihatkan gaya penulisan Zhang Xiguo yang lebih matang, bahkan tema-tema persoalan yang dipetikkan daripada pelbagai aspek adalah lebih menyeluruh. Selain itu, tajuk-tajuk koleksi karya fiksyen dalam siri ini menyerlahkan pertimbangan Zhang Xiguo yang lebih optimis terhadap masa depan golongan intelek. Tambahan pula, tema tentang pergelutan golongan pengembara di rantau asing dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* sebelum ini seharusnya diakhiri, lebih-lebih lagi kebanyakan mereka bersedia kembali ke tanah air setelah bertahun-tahun merantau. Berbanding dengan para penulis seperti Bai Xianyong dan Yu Lihua, kedahagaan Zhang Xiguo membawa watak-wataknya menjelajah ke rantau asing sebenarnya tidak keterlaluan. Hal ini jelas kelihatan ketika beliau “mengembalikan” watak-wataknya ke pangkuhan tanah air dalam masa yang singkat. Sesungguhnya, tema “pemergian” yang sentiasa wujud dalam karya-karya Zhang Xiguo langsung tidak menjelaskan hubungan intim antara beliau dengan Taiwan. Koleksi karya fiksyen *Penggagah* banyak tertumpu pada golongan intelek yang kembali ke Taiwan setelah beberapa tahun menetap di luar negara. Mereka ialah segolongan intelek yang hilang pedoman hidup walaupun berada di Taiwan. Walau bagaimanapun, “roh pengembara” di sini tidak lagi terhad kepada mereka yang mengasingkan diri atau diasingkan dari tanah air seperti yang digambarkan dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*. Sebaliknya

tinjauan Zhang Xiguo kini diperdalam ke dasar jiwa dan kerohanian golongan intelek yang kehilangan “keluarga” mereka.

Jika kita mengimbas kembali perbincangan dalam Bab 3, didapati pengembaran golongan intelek adalah berkait rapat dengan pengakuan (identiti) yang diberikan kepada tanah air, bangsa dan negara mereka. Pengembaran watak-watak di rantau asing seperti yang digambarkan dalam koleksi-koleksi karya fiksyen *Tanah* dan *Kapal Pisang* ternyata kebenaran ini. Namun, koleksi karya fiksyen *Penggagah* pada tahap ini lebih mengutamakan “diaspora dalaman” (*internal exile*) yang menular ke dasar jiwa seseorang pengembara terutamanya kepada beliau yang mengasingkan diri di tanah air sendiri. Liu Xiaofeng pernah menjelaskan perbezaan utama antara “diaspora luaran” dengan “diaspora dalaman” adalah tertakluk pada unsur “tanah” (1990: 118). Diaspora luaran mementingkan segolongan pengembara yang berada di rantau asing tetapi diaspora dalaman lebih mengutamakan dasar jiwa segolongan pengembara terutamanya kepada mereka yang mengasingkan diri di tanah air sendiri. Justeru, watak-watak yang terdapat dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah* adalah segolongan intelektual yang kembali dari Amerika Syarikat dan menetap di metropolis Taipei, Taiwan. Tinjauan ke atas golongan ini merupakan suatu titik perubahan yang penting dalam riwayat penulisan Zhang Xiguo. Walau bagaimanapun, kesudahan enam buah karya fiksyen ini tidak sesihat atau segembira seperti yang dicadangkan beliau sebelum ini.

4.3.1 MENGKHIANAT DALAM PERCINTAAN

Pada dasarnya, koleksi karya fiksyen *Penggagah* amat menekankan hubungan percintaan yang rumit dan menggelirukan. Tema-tema persoalan Zhang Xiguo yang berunsurkan “kemanusiaan” sebelum ini telahpun menjadi lebih “personaliti”. Kepekaan beliau dalam memaparkan hubungan percintaan mudah-mudi menyerlahkan daya observatifnya yang tajam di samping kepintaran beliau dalam bidang sains. Sikap terbuka Zhang Xiguo dalam mendedahkan hal percintaan golongan intelek padahalnya menyerlahkan usaha gigihnya dalam menampilkan tema “pergelutan insan” selama ini. Lantaran, Yang Mu berkata:

Zhang Xiguo berkemahiran dalam bidang komputer dan terpaksa berhadapan dengan teknologi dalam kehidupan sehariannya. Justeru, beliau berasa bosan disebabkan kekurangan “ciri-ciri kemanusiaan” dalam bidang ini. Pada masa itulah, beliau sedar akan hal yang benar-benar diminatinya adalah segala perlakuan manusia. “Pergelutan insan” menjadi persoalan penting baginya... (2001: 5)

Sehubungan itu, “pergelutan insan” yang ditinjaui Zhang Xiguo pada tahap ini adalah berkait rapat dengan persoalan “pengkhianatan”. Dua tahun selepas koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang* diterbitkan, Zhang Xiguo memaparkan karya fiksyen pertamanya dengan judul “Penyelesai Masalah” (Jielingzhe) dalam *Akhbar Harian China (Zhongguo Shibao)* pada tahun 1978. Perjalanan plot yang agak ringkas berkisar antara Guo Henian, seorang penulis dengan sepasang suami isteri telah membawa sebuah kisah percintaan antara golongan intelek. Mula-mulanya Ya Qin mendapati suaminya mempunyai perempuan simpanan dan meminta bantuan Guo, rakan sebaya pada masa persekolahannya. Akan tetapi, jemputan Ya Qin ke atas Guo ke rumahnya yang tidak memberitahu tujuan sebenar telah menimbulkan ketidakfahaman Guo. Melalui sudut pandangan

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

pertama, watak Guo mengeluarkan pendapatnya tentang sikap seorang penulis dan perasaan kecewanya terhadap sikap pembaca di Taiwan. Pada hujung penceritaan, lahirnya perasaan kecewa penulis ini ketika tinggal keseorangan setelah pemergian suami isteri itu. Katanya, "Mereka memiliki tanah dan segalanya. Namun aku tiada apa-apa." (1989h: 125) Rasa-rasanya kesunyian ini adalah disebabkan ketidaksenangan Zhang Xiguo terhadap masyarakatnya pada masa itu. Namun, beliau tidak berputus asa. Katanya:

Ya Qin dan doktor Chen tidak terhenti-henti berjuang dengan musuh dalam selimut agar menjalinkan percintaan mereka. Namun, aku seolah-olah seekor kuda hitam yang berada antara mereka dalam masa depan yang tidak menentu. Aku, suatunya kekosongan, tetapi tiada batasannya (1989h: 125).

Walau bagaimanapun, karya ini semata-mata suatu pembuka jalan untuk Zhang Xiguo meninjau persoalan percintaan. Beliau berhasrat menjadikan mangsa-mangsa dalam pencintaan untuk menggambarkan ketidakteraman dan penyeksaan golongan intelektual di tanah air sendiri. Watak Guo Henian dalam karya fiksyen "Penyelesai Masalah" semata-mata suatu monolog Zhang Xiguo untuk menyampaikan kerunsingannya terhadap masyarakat Taiwan. Selain itu, karya ini membolehkan kita mengimbas kembali gaya naratif beliau pada zaman penulisan karya fiksyen "Tanah" yang sensitif dan emosional sekali. Sekiranya kita meneliti mesej penulisan di sebalik karya fiksyen tersebut, sasaran Zhang Xiguo adalah jelas ditujukan kepada orang-orang Taipei yang terpaksa berjuang dengan musuh dalam selimut. Nyatalah, hubungan percintaan yang rumit dan kompleks merupakan konflik utama dalam penulisan Zhang Xiguo pada tahap ini.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

Pada hakikatnya, pencapaian prestasi karya fiksyen “Penyelesai Masalah” adalah tidak memuaskan jika diukur dengan tempoh dua tahun Zhang Xiguo membuat persediaan dalam penulisannya. Kesungguhannya lebih terserlah dalam karya-karya fiksyen yang berjudul “Penakluk” (Zhengfuzhe) serta “Penjaga” (Shouwangzhe) kerana kedua-dua karya ini meneguhkan lagi kedudukan beliau sebagai orang Taiwan. Karya fiksyen “Penakluk” dengan corak persembahan yang kreatif betul-betul menyentuh tema pengkhianatan kali ini. Karya ini mengisahkan perzinaan Zhe Xin dengan Zhu Lili, suatu pengkhianatan Zhe Xin terhadap Chu Anna, bekas isterinya. Di sini, Zhang Xiguo berusaha memperjuangkan nasib insan ketika berdepan dengan cita-cita mereka. Tidak hairan jika kita meneliti beberapa orang watak yang sedia “berperang” dalam realiti hidup demi merealisasikan impian mereka. Misalan pakcik Ren bercita-cita menewaskan Nanyang dan Jepun pada suatu hari nanti demi maruah bangsanya manakala Long Long, seorang pensyair tidak pernah berputus asa dalam bidang penulisan walaupun dia meninggal dunia dalam usia yang muda. Dalam konteks ini, usaha murni insan demi mengejar keintelektualan terserlah.

Sebagai seorang penulis yang bersikap tulus ikhlas dalam penulisan, Zhe Xin, watak utamanya tidak jemu bertanya:

Long Long, di mananya kepercayaan anda? Beri tauku, sila beritaulah, di mananya kepercayaanmu? Atau telahpun kau jadi sepertiku, biar ulat bersenyawa di dalam badan? Sila beritaulah, di mananya kepercayaanmu? (1989k: 189)

Kegigihan Pakcik Ren dan Long Long dalam pencapaian cita-cita mereka membangkitkan ironi kepada golongan intelek yang asyik menghabiskan tenaga

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

dalam mengejar nafsu percintaan. Intelektual Cina yang kini kembali ke tanah air langsung hilang pedoman hidup seperti penuntut-penuntut yang bermastaudin di seberang laut sebelum itu. Usaha murni Zhang Xiguo dalam mengembalikan mereka di tanah air sendiri dan mengadakan kehidupan baru untuk golongan pengembara ini masih diperlihatkan sebagai suatu kegagalan. Akibatnya, golongan intelek ini turut menenggelami diri dalam percintaan yang dikatakan suatu lagi alternatif dalam keterasingan.

Karya fiksyen yang berjudul “Penjaga” seterusnya membuktikan kebenaran ini. Karya ini dimulakan dengan suatu kes pembunuhan akibat masalah percintaan dalam laporan berita. Li Fen, mangsa dalam insiden tersebut merupakan seorang wanita berumahtangga yang mementingkan kebendaan dan sanggup mempertaruhkan kesucian dan maruahnya demi memenuhi kepuasan nafsu. Melalui sebuah pita kaset, kegilaan Wang Zhaoxiong, seorang pangajar terhadap Li Fen jelas menunjukkan kedahagaan nafsu seorang intelektual sehingga membawa tragedi dalam percintaan. Karya fiksyen “Penjaga” yang mengakhiri koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” telah memperlihatkan perjalanan plot yang kian ringkas dan jelas serta bakat usaha beliau dalam meningkatkan nilai estetika dalam penulisannya. Hal ini ternyata kebenaran motif penulisan Zhang Xiguo dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah* sejak awal-awal lagi:

Terimbas kembaliku kepada rakan-rakan yang berinisiatif dalam manghasilkan *Majalah Universiti* demi memenuhi hajat bersama pada masa itu. Kini ada antara mereka yang menceburkan diri dalam bidang politik dan ada yang mengorbankan cita-cita mereka secara sukarela atau paksaan. Aku berasa putus asa. Justeru, aku merantau keluar negara. Golongan intelektual terpaksa mengkhianati diri sendiri pada saat-saat terakhir. Adakalanya mereka mengkhianati

diri sendiri, tetapi kadang-kadang juga dikhianat oleh negara sendiri. Fenomena inilah yang menjadi dorongan untuk kuhasilkan koleksi karya fiksyen *Penggagah* yang memberi pendedahan kepada persoalan tentang “kompromasi” dan “pengkhianatan” (1985b: 206).

Percintaan di kalangan intelektual sememangnya dijadikan suatu saluran dalam mempertimbangkan kedudukan mereka yang kini kembali ke Taiwan. Zhang Xiguo memberi dua jalan kepada golongan intelek, yakni “pengkhianatan” atau “kompromasi” ketika berdepan dengan pencapaian cita-cita mereka. Namun, kedua-dua jalan ini sukar memberi sebarang harapan. Sumbangan golongan intelek yang seharusnya ditujukan kepada masyarakat mereka kini tersia-sia sahaja dalam percintaan atau pengejaran nafsu.

4.3.2 PEREBUTAN KUASA DI KALANGAN INTELEKTUAL

Tiga buah lagi karya-karya fiksyen yang tersimpan dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah*, yakni “Peminpin” (Lingdaozhe), “Pemutus Kuasa” (Juecezhe) dan “Penggagah” (Buxiu zhe) sekali lagi membuktikan pencapaian cemerlang nilai-nilai estetika dalam kesenian sastera Zhang Xiguo. Long Yingtai pernah membuat perbandingan antara karya-karya fiksyen Zhang Xiguo dalam artikelnya yang berjudul “Terbaik dan Terburuk: Tinjauan terhadap Karya-karya Zhang Xiguo yang Berjudul *Kemarahan Masa Silam* dan *Penggagah*” (Zuihao de yu Zuihuai de: Ping Zhang Xiguo Zuori zhi Nu yu Buxiu Zhe). Dalam konteks ini, Long menekankan bahawa karya fiksyen “Pemutus Kuasa” dan “Penggagah” adalah antara karya-karya fiksyen Zhang Xiguo yang paling berkesan dalam menampilkan kematangan penulisan beliau (1985b: 55). Memang tidak dapat dinafikan bahawa gaya persembahan yang berpelbagai, misalan laporan berita dan pita kaset dalam karya fiksyen “Penakluk”, dokumen dan surat dalam karya

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

fiksyen “Budak Merah” dan soal jawab dalam karya fiksyen “Pemutus Kuasa” serta sudut pandangan yang berpelbagai menunjukkan Zhang Xiguo tidak jemu mengubah corak penulisan terutamanya dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah*. Justeru, Long mengatakan bahawa Zhang Xiguo telah mempersesembahkan suatu “acrobatik sastera” yang unggul. Manakala Jian Zhengzhen berkata, “Karya-karya fiksyen Zhang Xiguo mempergunakan gaya penulisan yang tersendiri untuk merealisasikan tema persoalannya.” (1995: 29) Maka, pencapaian cemerlang dalam koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” dapat dikatakan sebagai tulang belakang dalam penulisan Zhang Xiguo hingga hari ini.

Pada hakikatnya, kesenian sesebuah karya fiksyen adalah tertakluk pada keunikan corak penulisan yang selaras temanya. Karya fiksyen “Pemutus Kuasa” yang dipapar dalam majalah bulanan *Akhbar Hong Kong (Xianggang Mingbao)* pada tahun 1984 dengan kepelbagaian gaya persempahan terbukti kebenaran ini. Zhang Xiguo sekali lagi menyerlahkan kesungguhannya untuk mendedahkan tema “kompromasi” dan “pengkhianatan” yang ingin ditinjaunya pada tahap ini. Perjalanan plot karya ini diselit dengan format permainan komputer dan bentuk soal jawab untuk menyediakan pelbagai pilihan kepada wataknya. Akan tetapi, Zhang Bijing, watak bulat masih membuat kesalahan dalam pilihannya. Karya tersebut mengisahkan kehidupan Zhang Bijing ketika di Universiti Auckland tiga belas tahun yang lalu. Zhang kehilangan jawatan ketua jabatan di universiti kerana dikhianati Fan Shutong, rakan kerjanya yang berpaktat dengan seorang Israeal. Beberapa tahun kemudian, Zhang kembali ke Taiwan dan mengambil tindakan untuk membala dendam terhadap Fan. Akan tetapi, malang tidak berbau.

Zhang sekali dikhianati oleh rakannya dan terpaksa meninggalkan Taiwan dengan segala kesedihan.

Jalan cerita karya fiksyen “Pemutus Kuasa” sebenarnya menampilkan peristiwa perebutan kuasa yang agak lumrah berlaku di kalangan intelektual. Kita dapat meneliti bahawa golongan intelek yang mengkhianati antara satu sama lain demi kepentingan politik masing-masing. Demi mengekalkan martabat dan identiti seseorang dalam masyarakat, penggunaan kuasa politik selalunya dijadikan jalan penyelesaian. Ini akhirnya mengakibatkan golongan intelek seperti Zhang Bijing mahupun Zhang Xiguo terpaksa meninggalkan Taiwan dengan segala kekecewaan. Perjalanan plot dan struktur penulisan karya fiksyen “Pemutus Kuasa” yang sentiasa bersedia memberi kejutan kepada pembaca pada hakikatnya memperlihatkan riwayat hidup watak bulat yang berliku-liku. Selain itu, corak persembahan yang memerah otak Zhang Xiguo membawa metafora yang menunjukkan persengketan di kalangan intelektual atas kepentingan masing-masing. Plotnya berkembang dengan lebih kompleks lagi ketika Zhang Bijing kehilangan jawatan ketua jabatan di Amerika Syarikat. Pada masa yang sama, teman wanitanya memaksa dia bercerai dengan isterinya. Hal ini diikuti pula dengan rakan kerja Zhang di Taiwan mungkir janji dalam membantu dia untuk membala dendam. Yang menggemparkan Zhang, teman wanitanya menyiarkan pengumuman tentang “isteri Zhang milarikan diri” di suratkhabar dan terus menjatuhkan maruahnya di depan rakan-rakan kerjanya. Selain itu, isterinya berpendirian tegas untuk menukar nama keluarga dan memohon kebenaran untuk bermastaudin di Amerika Syarikat bagi anak-anak mereka. Zhang terpaksa meninggalkan Taiwan akhirnya. Bermula dengan bentuk soal

jawab, objektif, isi tempat-tempat kosong, huraian dan karangan yang diatur dalam karya fiksyen “Pemutus Kuasa”, watak utamanya tidak pernah mengambil langkah yang betul.

Padahalnya, perebutan kuasa antara golongan intelek merupakan salah satu punca yang mengakibatkan mereka mundar-mandir di antara “tanah air” dan “luar negara”. Perkara ini memberi peluang kepada Zhang Xiguo untuk mengkritik sikap sesetengah golongan intelek yang mementingkan diri dalam karya fiksyen “Pemimpin”. “Pemimpin” merupakan karya fiksyen yang agak awal dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah*. Karya ini mengisahkan nasib Yu Min dan Xiao Shi, dua orang pensyarah jabatan falsafah di universiti yang ditangkap bersama-sama pelajar-pelajar kerana disyaki melibatkan diri dalam kegiatan politik yang mengancam kerajaan. “Aku” yang ingin memberi bantuan kepada mangsa-mangsa tersebut dibantah keras oleh isteri dan mertuanya. Kata mertuanya, “Mereka ditangkap disebabkan kerajaan telah menguasai bukti yang kukuh. Kalau tidak, kenapa nak tangkap mereka?” (1989i: 129) Zhang Xiguo tidak melepaskan sebarang peluang untuk mengkritik kelemahan intelektual-intelektual yang terdapat di dalam masyarakat Taiwan pada masa itu. Dalam karya fiksyen “Penggagah” terserlah kata-kata sinis Zhang Xiguo seperti berikut:

Kamu orang muda. Makan, main, rayau, lacur pun tak apa, asal jangan-jangan sekali menceburkan diri dalam kegiatan politik. Kaki perempuan, rasuah pun tak ambil nyawa. Hanya buah fikiran yang disumbang oleh kamu itulah yang akan mengugut nyawa (1989i: 143).

Sememangnya, usaha golongan intelek dalam mengejar impian mereka tidak optimis seperti yang dibayangkan. Percanggahan pendapat antara rakan-

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

rakan Zhang Xiguo di universiti kemudiannya membawa perpecahan antara mereka merupakan faktor utama yang mengakibatkan beliau menampilkan persoalan “pengkhianatan” pada tahap ini. Selain itu, sikap golongan intelek Taiwan yang mementingkan diri dan sikap dingin mereka dalam soal politik benar-benar mengecewakan beliau. Tambahan pula, perpecahan dalam kempen melindungi kepulauan Diaoyu yang akhirnya melemahkan semangat perpaduan bangsa Cina di seberang laut betul-betul memberikan tamparan yang hebat kepada Zhang Xiguo. Zhang Xiguo menyedari bahawa golongan intelek terpaksa terkorban sekali lagi dalam hal ini. Misalan dalam karya fiksyen “Penggagah”, seorang pelajar bernama Song Shengtai cuba membunuh diri kerana gagal menentang pihak berkuasa dalam menuntut keadilan pensyarahnya. Ini diikuti pula kematian seorang janda yang membunuh diri ketika mendapati anaknya dipenjarakan. Kekecewaan dan kesesatan di kalangan intelek akibat kehilangan matlamat menyebabkan mereka kian berundur dari jalan yang menampilkan diri ke impian mereka pada asalnya. Justeru, kedengaran rungutan golongan intelek yang berbunyi:

Aku mula pandang rendah dan benci pada diri sendiri. Tiba-tiba kusedar akan golongan intelek seperti kita tidak bertenaga langsung. Kita tidak layak untuk memimpin siapa-siapa pun. Jika diberikan tekanan, kita hanya berundur dan terkejut, ataupun mengkhianati antara satu sama lain (1989i: 150).

Jelasnya, kritikan Zhang Xiguo yang agak tajam terhadap golongan intelek amat menonjol jika dibandingkan dengan koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*.

Bab 4 Pengembaraan Zhang Xiguo

Sebuah lagi karya fiksyen berjudul “Penggagah” dihasilkan Zhang Xiguo untuk memperhitung keseimbangan antara “kenafsuhan” dengan “keilmuan” di kalangan intelek akan dibincangkan. Watak-watak dalam karya ini mendukung pelbagai citra dan peranan yang tersendiri dalam mengejar percintaan sehingga membawa pengorbanan yang tidak terhitung. Cerita ini berkisar pada percintaan dua orang adik-beradik, yakni Xiao Ling dan Xiao Yun. Xiao Ling mempunyai paras rupa yang menawan hati dan terharum namanya sejak di universiti lagi. Dia merupakan seorang editor majalah yang berkaliber dan kemudian bercinta dengan seorang peniaga yang berjaya bernama Lan Qi. Sementara itu, Xiao Yun, adiknya bercinta dengan Xiao Zheng, seorang peniaga yang berumahtangga. Xiao Yun pada suatu seketika berbaik-baik dengan Bob, rakan serumahnya ketika berselisih dengan temannya. Kedua-dua wanita yang berkebolehan dalam kerjaya masing-masing kehilangan rasional dalam hal percintaan. Kedahagaan untuk menguasai lelaki yang dicintai bagaikan sebuah lagi perebutan kuasa dalam dunia moden.

Sesungguhnya, golongan intelek ini tidak berdaya untuk mencari jalan keluar bagi diri mereka. Pengkhianatan dalam percintaan dan kekuasaan golongan intelek demi kepentingan sendiri sering membawa watak-watak ini “berperang secara psikologi” antara satu sama lain. Pada tahap ini, penyeksaan dan penderitaan yang ditanggung oleh golongan intelek tidak kurang daripada mereka yang mengorbankan nyawa dalam koleksi karya fiksyen *Kapal Pisang*. Zhang Xiguo bertujuan meninjau jurang sesama insan yang kian membimbangkan. Selain itu, intelektual Cina yang kekurangan inisiatif terhadap masyarakat dan bangsa menjadi tajuk penting yang disentuh oleh Zhang Xiguo di sini. Permulaan dan penutup karya “Penggagah” diselaras dengan watak-watak sampingan dari

lapisan masyarakat bawahan yang mengisahkan seorang isteri menghalang suaminya daripada membunuh diri. Tragedi ini menunjukkan lapisan bawahan yang diperas oleh golongan berkuasa, iaitu intelektual-intelektual yang mengutamakan kepentingan diri. Lantaran, kepada golongan intelek yang ghairah mengejar kenafsuhan seharusnya diberikan kritikan tajam.

Koleksi karya fiksyen “Siri Roh Pengembara” jilid kedua telah menggariskan hubungan percintaan golongan intelek yang rumit dan menyimpang daripada tatatertib dan peranan mereka. Tambahan pula, kesudahan mereka lazimnya diakhiri dengan kematian yang akan menjelaskan perkembangan individu. Sebagai pembaca yang menuruti pemergian dan pengembalian golongan intelek dalam karya-karya Zhang Xiguo selama ini, kita amat berbelas kasih terhadap mereka yang gagal menemui suatu tempat perlindungan walaupun di tanah air sendiri. Walau bagaimanapun, kita amat mengagumkan ketahanan dan kecekalan golongan intelek ini ketika berdepan dengan pelbagai kesulitan dalam perkembangan naluri mereka. Prinsip “kompromasi” dan “pengkhianatan” yang didukung oleh Zhang Xiguo dalam koleksi karya fiksyen *Penggagah* dengan kesenian yang menonjol sekali menjalankan suatu saluran untuk beliau meninjau peranan dan tanggungjawab golongan intelek yang sebenar. Pada hakikatnya, perlakuan mengasingkan diri di kalangan intelek yang berada di tanah air sendiri diperhitungkan sebagai “diaspora kejiwaan” (Geistes Exil) yang lebih bermakna jika berbanding dengan diaspora luaran. Liu Xiaofeng pernah meninjau corak diaspora dalaman dengan memetik pengalaman B. Brecht, seorang ahli drama di negara Barat:

Bab 4 Pengembaran Zhang Xiguo

Terdapat perbezaan yang ketara antara diaspora dalam dengan diaspora luaran dalam sesebuah masyarakat yang berideologi. Seseorang yang mengasingkan diri di tanah airnya tidak mempunyai sebarang kebebasan, tidak kira apa-apa corak hidup atau “wawancara” yang dipegang oleh pengembara itu (1990: 118).

Sebagai natijahnya, koleksi karya fiksyen *Penggagah* sebenarnya menampilkan segolongan intelek mengembara dan kehilangan “hak kebebasan” mereka dalam menentukan corak hidup sendiri. Ini disebabkan tenaga mereka telah “dibuangkan” dalam pengejaran nafsu. Kejiwaan yang ditunjukkan oleh golongan intelek yang kembali dari luar negara mahupun mereka yang bertapak di tanah air sendiri sememangnya suatu tingkahlaku yang agak membimbangkan dalam karya-karya Zhang Xiguo tersebut. Namun, Zhang Xiguo tidak jemu mendasari paranan dan tanggungjawab seorang intelektual yang seharusnya disumbangkan kepada negara dan bangsa sendiri.